**KERATAN AKHBAR**

JUDUL : UTUSAN MALAYSIA    TARIKH : 7 OKTOBER 2022
SITASI :    M/S : 29

Marllisa Anttony. " Perpustakaan awam semakin sepi, peranan berubah." *Utusan Malaysia*, 7 Oktober 2022, m.s 29



# Perpustakaan awam semakin sepi, peranan berubah

Oleh MARLLISA ANTTONY
marllisa.anttony@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Lebih 600,000 rakyat Malaysia mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) secara maya setakat Ogos lalu berbanding 29,716 berkunjung secara fizikal.

Jumlah ini sekali gus menunjukkan minat rakyat membaca masih tinggi, namun, kebanyakannya memilih bahan bacaan secara digital.

Malah, perpustakaan pada zaman ini bukan seperti dahulu, sebaliknya dilengkapkan dengan kemudahan WiFi, komputer meja, ruang santai, kafe, bilik perbincangan dan sebagainya.

Naib Presiden II Persatuan Pustakawan Malaysia, Dr. Faizal Mohd Hamzah berkata, perpustakaan sekarang sudah moden kerana ia bukan lagi hanya tempat untuk belajar dan membaca secara senyap.



MUHAMMED Iqram Azami akan mengunjungi perpustakaan awam setiap kali cuti bekerja di Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/ KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

"Sebagai contoh, Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM) akan mengadakan Fashion Show Week pada Disember akan datang di perpustakaan tersebut bagi membuktikan perpustakaan ini sebuah entiti yang proaktif serta bagi menggalakkan orang ramai mengunjunginya.

"Perpustakaan Awam Pahang pula, mereka tidak terkesan langsung dengan isu relevan ke tidak kerana kunjungan masih ramai sebelum dan selepas pandemik disebabkan mereka sangat aktif dengan sentiasa melakukan pelbagai jenis program," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, Perpustakaan Awam Kedah menerima 41,604 pengunjung fizikal pada tahun 2021 dan 27,366 sehingga Ogos lalu manakala di laman sesawang pula seramai 36,431 pengunjung pada tahun 2021 dan 24,949 sehingga Ogos lalu.

"Walaupun perpustakaan fizikal masih relevan, budaya membaca tidak boleh diukur dari jumlah kehadiran pengunjung ke perpustakaan fizikal saja kerana ramai sudah beralih dari cara konvensional ke digital.

"Sebelum pandemik dapat dilihat ramai berkunjung ke perpustakaan namun, semasa pandemik jumlah kunjungan jatuh mendadak tetapi ramai mula menggunakan carian digital iaitu U-Pustaka," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Anuar Ahmad berkata, sudah sampai masanya perpustakaan di Malaysia mengembangkan peranannya dengan menjadi pemangkin kepada aktiviti masyarakat setempat.

"Perpustakaan tidak boleh memfokuskan kepada penyimpanan buku sahaja tetapi ruang mencari jaringan dan merapatkan ukhuwah," ujarnya.

# Ramai berkunjung ke perpustakaan hujung minggu

**PETALING JAYA:** Perpustakaan awam secara fizikal masih relevan dan mempunyai peranannya walaupun jumlah kedatangan yang direkodkan tidak semeriah sebelum pandemik Covid-19.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di perpustakaan awam di negeri-negeri mendapati, kunjungan lebih ramai pada hujung minggu khususnya dalam kalangan pelajar dan keluarga.

Di Ipoh, PERAK, perpustakaan awam di bandar raya ini masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat yang gemar membaca, namun, jumlah yang mengunjunginya ramai pada hujung minggu.

Tinjauan di sebuah perpustakaan awam di sini mendapati secara umumnya agak lengang pada hari bekerja walaupun ada pengunjung, namun, jumlahnya sekitar 70 orang sehari.

Berdasarkan maklumat, pada hari minggu, lebih kurang 300 orang mengunjungi perpustakaan di sini dan jumlah itu meningkat kepada 1,000 orang pada hujung bulan.

Di Alor Setar, KEDAH, inisiatif diambil Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK) yang memperkenalkan program myLibrary4u secara pandu lalu memudahkan pelanggan bagi perkhidmatan peminjaman dan pemulangan buku di perpustakaan.



SUASANA perpustakaan negeri di Bukit Baru, Melaka yang lengang pada waktu pagi berbanding waktu tengah hari dan petang, susulan ramai pelajar sekolah yang datang untuk mengulang kaji. - UTUSAN/ MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

Pengarah PPAK, Shahizan Affandi Zakaria berkata, program yang diperkenalkan sejak 1 Februari tahun lalu secara tidak langsung turut membantu meningkatkan jumlah keahlian di perpustakaan tersebut.

"Pengguna hanya perlu membuat pesanan buku melalui WhatsApp kepada pegawai khidmat pelanggan dan buku-buku tersebut akan dihantar kepada pengguna di tempat yang disediakan, terus ke pintu kenderaan pelanggan secara door to door services," katanya.

Di Kuala Terengganu, TERENGGANU, rakyat negeri ini masih mengekalkan tabiat suka membaca buku di perpustakaan awam secara fizikal apabila jumlah pengunjung mencatatkan peningkatan hampir 120 peratus dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), Norliza Ismail berkata, seramai 106,204 pengunjung direkodkan di perpustakaan awam di seluruh negeri ini dalam tempoh Januari hingga Jun lalu berbanding hanya 40,557 orang dalam tempoh sama sepanjang tahun lalu.

Katanya, pengunjung yang masuk ke sistem atas talian PPAT juga meningkat dengan mendadak kepada 574,337 orang dari Januari hingga Jun lalu berbanding 663, 561 sepanjang tahun 2021," ujarnya.

Di Banda Hilir, MELAKA, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (Perpustam), Mohamed Aizammuddy Mohamed Idris berkata, seramai 748,626 orang datang ke perpustakaan pada 2019, namun jumlah itu merosot sehingga 80 peratus pada 2020 dan 2021, masing-masing mencatatkan kehadiran pengunjung seramai 184,468 dan 39,651 orang.

Pinjaman buku fizikal turut merudum daripada 482,737 buah pada 2019 kepada 229,873 buah (2020) dan 103,153 buah (2021).

"Bagaimanapun, trend pinjaman buku dalam talian melonjak naik lebih dua kali ganda ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan 80,466 buku pada 2020 diikuti 103,847 buku (2021) berbanding 48,787 buku pada 2019," katanya ketika ditemui.

Di Kota Bharu, KELANTAN, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Mohd. Shamsul Baharin Isa berkata, berlaku peningkatan pinjaman buku iaitu seramai 10,661 peminjam dicatatkan bermula Januari hingga Julai tahun ini berbanding 5,509 peminjam dalam tempoh sama pada tahun lalu.